

Penggantungan sementara biasiswa hanya cadangan

» Kerajaan belum buat keputusan, syor dibentang di Kabinet

Oleh Rosniza Mohd Taha dan Norakmah Mat Youb
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kerajaan belum memutuskan untuk menggantung sementara biasiswa Kementerian Pendidikan bagi program prauniversiti.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, berkata ia hanya cadangan yang akan dibentangkan kepada Kabinet.

“Langkah penggantungan itu hanya cadangan, belum diputuskan kerajaan. Kita akan bantangkan kepada Kabinet,” katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas lanjut berhubung perkara itu.

Sebelum ini, akhbar melaporkan kerajaan menggantung sementara biasiswa Kementerian Pendidikan untuk program prauniversiti berikutan ketidaktentuan ekonomi global ketika ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Wee Ka Siong, dipetik sebagai berkata, keputusan itu dibuat pada mesyuarat Kabinet, kelmarin.

Sementara itu, badan kepimpinan pelajar universiti meminta kerajaan meneruskan penawaran biasiswa bagi mengelak calon cemerlang gagal melanjutkan pelajaran akibat kekangan kewangan.

Ramai pelajar perlu pembiayaan pendidikan

Setiausaha Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) merangkap Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (YDP MPP) Universiti Malaya, Fanitsyara Kam Phon, berkata ramai pelajar memerlukan pembiayaan pendidikan itu, selain bantuan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Beliau berkata, penggantungan biasiswa yang diperuntukkan kepada calon cemerlang dikhuatiri menjejaskan semangat persaiangan dalam kalangan pelajar.

Selain itu, katanya, PTPTN akan menghadapi peningkatan permohonan pembiayaan daripada pelajar yang memerlukan bantuan untuk menampung kos pengajian prauniversiti.

“Beban kos sara hidup yang semakin tinggi secara langsung menuntut penajaan pendidikan diperluas



“Langkah penggantungan itu hanya cadangan, belum diputuskan kerajaan. Kita akan bantangkan kepada Kabinet”

Mohamad Zabidi Zainal,
Ketua Pengarah
Perkhidmatan Awam

bagi membantu lebih ramai pelajar, bukan digantung atau ditamatkan,” katanya.

YDP MPP Universiti Putra Malaysia, Mohamad Syzrul Yahya, berkata kerajaan tidak wajar mengambil langkah drastik sedemikian, sebaliknya hanya perlu mengurangkan jumlah penawaran biasiswa.

Beliau berkata, pendidikan harus diberi keutamaan dalam bajet negara, manakala kos pengurusan boleh ditampung dengan langkah alternatif seperti menaikkan cukai rokok.